

10 NOV 1999

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Barisan Nasional

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Mesyuarat itu dijangka membincangkan persiapan parti bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Speaker Dewan Rakyat Tun Zahir Ismail mengumumkan pembubaran parlimen berkuatkuasa esok bagi memberi laluan kepada pilihan raya umum yang ke-10.

BN mempunyai 14 parti komponen termasuk Umno, yang merupakan tunjang kepada BN.

--BERNAMA

ARA NAK